

Aktiviti Fizikal Mampu Bantu Perbaiki Tingkah Laku Kanak-kanak OKU Intelektual

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 23 Ogos 2019 08:49 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 228

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



JUMAAT, 23 OGOS –
Aktiviti fizikal mampu membantu untuk mengubah dan memperbaiki tingkah laku kanak-kanak yang tergolong dalam golongan Orang Kelainan Upaya Intelektual (OKUi)

Ini kerana aktiviti fizikal

yang dijalankan bukan sahaja dapat meningkatkan kecergasan fizikal dan meningkatkan tahap kesihatan, malah turut meningkatkan lagi inklusi sosial dalam kalangan golongan OKUi.

Demikian menurut Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Ismail Ibrahim ketika berucap pada Program *Fitness Achiever For Intellectually Disabled* (FAID) anjuran Pusat Pemulihan dan Kecergasan Fizikal (PFRC) FPP di Sekolah Kebangsaan Luyang, Kota Kinabalu baru-baru ini.

Katanya melalui pembentukan modul-modul yang direka bentuk khas untuk golongan kanak-kanak OKUi, aktiviti-aktiviti fizikal yang dijalankan membantu meningkatkan daya fokus, keyakinan diri dan disiplin peserta serta kemampuan untuk mendengar dan mengikuti arahan yang diberikan.

“Melalui modul-modul yang direka bentuk khas itu membolehkan golongan kanak-kanak kurang upaya itu mendapat peluang untuk menjalani program kecergasan, sukan dan rekreasi yang menyeronokkan bersesuaian dengan kemampuan fizikal dan mental mereka.

“Malah melalui modul tersebut mampu mewujudkan kesedaran dan mendidik ibu bapa atau penjaga mengenai anak-anak tersebut,” kata Prof. Dr. Ismail Ibrahim.

Tambah beliau, program tersebut turut menjadi satu platform untuk menerapkan kesedaran kecergasan fizikal serta meningkatkan persaingan secara sihat dalam kalangan OKUi, selain menyediakan peluang kepada golongan yang kurang bernasib baik untuk menunjukkan dan menampilkan kebolehan dan keupayaan mereka dalam bidang sukan.

“Dengan bertemakan “Bring Out the Joyful and Potential in You”, adalah diharapkan agar FAID ini boleh dijadikan wahana untuk merealisasikan hasrat UMS, Special Olympics Sabah dan seluruh rakyat negeri Sabah dalam memastikan usaha ke arah pembangunan sukan golongan OKUi mencapai matlamatnya.

“Saya juga percaya program ini akan menjadi pemangkin ke arah terbentuknya satu gerakan yang mana golongan istimewa ini bukan lagi dilihat sebagai satu beban, tetapi sebagai pelengkap kepada satu jentera besar yang mampu bergerak seiring dengan populasi umum dalam membantu membangunkan negara,” ujar beliau.

Program sehari itu melibatkan penyertaan murid-murid Program Pendidikan Khas Integrasi SK Luyang serta ibu bapa dan guru sekolah sebagai pendedahan terhadap permainan, sukan dan aktiviti rekreatif yang sesuai serta pendedahan mengenai jenis senaman yang khusus untuk kanak-kanak OKUi.